



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



memperssembahkan

TEATER PERDANA

# Sungai Mengalir Lesu

Karya Sasterawan Negara A. Samad Said

Adaptasi: Zakaria Ariffin | Arahan: Aris Othman

AKMAL AHMAD • NESA IDRUS • ROYDY ROKIDY • SHASHA FAIRUS  
BADROL HISHAM • KHAI SABRI • MEGAT ADLI • KHAL ISYAF • ALOENG SILALAH

Tetamu Kehormat:

YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
Perdana Menteri

1 - 4 OKTOBER 2025

8.30 MALAM

AUDITORIUM DBP, KUALA LUMPUR



# Sungai Mengalir Lesu



# Sungai Mengalir Lesu

Sepintas Lalu...



## Persatuan Badan Budaya DBP

Badan Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) merupakan sebuah kumpulan seni yang lahir daripada usaha memperkayakan dunia sastera dan teater tanah air. Pada awal penubuhannya pada tahun 1967, ia dikenali sebagai Keluarga Seni DBP dan diasaskan oleh tokoh sasterawan negara, Usman Awang. Pementasan sulung mereka ialah *Tamu Di Bukit Kenny*, karya Usman Awang yang diarahkan oleh Baha Zain. Sejak itu, kumpulan ini menjadi salah satu wadah penting dalam mengangkat martabat seni dan budaya di Malaysia.

Pada era 1970-an hingga 1980-an, Badan Budaya DBP aktif mementaskan pelbagai teater berskala besar yang bukan sahaja melibatkan warga DBP, tetapi juga pelakon luar seperti Fauziah Nawī, Jalil Hamid dan Wan Maimunah. Dalam kalangan mereka sendiri turut muncul bakat baharu yang kemudian menjadi nama besar dalam dunia seni tanah air, antaranya Sabri Yunus, Abon, Imuda, Ali Osman, Bohari Ibrahim dan Badrulhisham. Pementasan teater ketika itu banyak digerakkan oleh pengarah yang bertugas di DBP sendiri seperti Baha Zain, Ismail Dahaman, Othman Haji Zainuddin, Anwar Ridhwan, Johan Jaaffar, Zakaria Ariffin, A. Wahab Hamzah dan Aris Othman.

Kecemerlangan Badan Budaya DBP terserlah apabila mereka berjaya mewakili Malaysia ke Pesta Teater ASEAN pertama di Manila pada tahun 1987 dengan mementaskan *Tok Selampit* arahan Zakaria Ariffin. Pada tahun 1992, mereka turut membawa karya Usman Awang bertajuk *Matinya Seorang Pahlawan* ke pentas antarabangsa sempena Minggu Sastera Malaysia di London. Kedua-dua peristiwa ini menjadi bukti bahawa DBP bukan sahaja berperanan dalam penerbitan dan bahasa, tetapi juga sebagai institusi penting dalam perkembangan seni persembahan. Antara karya terbaik yang diangkat ke pentas sebagai Teater Perdana DBP ialah *Titah Tuanku*, *Zaman Gerhana*, *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*, *Salina*, *Rumah Kedai Di Jalan Seladang*, *Pentas Opera*, *Tok Selampit* dan *Haji Murat*.

Memasuki era 2000-an, Badan Budaya DBP terus konsisten dengan pementasan teater, walaupun berdepan dengan perubahan zaman dan cabaran dalam menarik khalayak baharu. Keistimewaan kumpulan ini ialah mereka kekal mempertahankan nilai sastera dan budaya dalam setiap karya yang dipentaskan, tidak terikat dengan tuntutan populariti semata-mata.

Dalam dekad terkini, mereka masih aktif meneruskan kesinambungan perjuangan seni dengan mementaskan karya seperti *Haji Murat* dan *Balada Si Angsa Hitam*. Dengan sokongan prasarana serta dana daripada DBP, Badan Budaya terus menjadi jambatan yang menghubungkan warisan sastera dengan khalayak moden, sekali gus mengekalkan peranannya sebagai wadah penting dalam memartabatkan seni budaya bangsa.

# *Sungai Mengalir Lesu*

## *Sinopsis*

Singapura dalam kanvas Perang Dunia Kedua. Tentera Jepun menguasai Singapura. Tuminah, Basir, Mak Buruk, Ahmad Jani, Sayeed Ayub, Zainab, Salimah, Irwan, Mulyadi, Tompong, Giap Hong, Ling Po, Soosay dan Kuldip Singh adalah sebahagian daripada mereka yang menghuni kawasan sesak di pinggir sebatang sungai di Singapura. Mereka terhimpit oleh ancaman peluru perang dan kebuluran. Hidup penuh dengan penderitaan, seksaan, kelaparan, penyakit dan ugutan maut.

Mereka hampir tiada pilihan. Bagaimana untuk meneruskan hidup setiap hari menjadi keutamaan setiap orang. Tentera Jepun sentiasa menghantui mereka dengan penampar dan sepak terajang. Nyawa bermain-main di hujung rifle, bayonet dan mata pedang. Sementara bom pihak berikat yang tidak bermata, berguguran daripada perut B24 dan B29, menjadi igauan malam dan siang. Kehidupan sering menghimpit dan mendesak. Perit dan sukar. Sungai yang mengalir lesu di kampung itu adalah lambang kehidupan. Selain mengalirkan air yang kuning pekat, ia juga membawa bersama-sama segala sampah sarap, kekotoran, malah mayat manusia. Tetapi sungai itu juga turut mengapungkan rezeki untuk penghuni di tebingnya.

Dalam zaman perang ini, manusia sanggup melakukan apa sahaja demi untuk keberlangsungan hayat (*survival*)- meneruskan kehidupan. Keadaan memaksa mereka ke tahap hilang pertimbangan. Apa sahaja tindakan untuk mengisi perut dianggap wajar. Yang lelaki memecah gudang Jepun atau berniaga di pasar gelap. Sementara wanitanya pula terpaksa menggadai maruah. Inilah zaman yang penuh warna dan peristiwa. Manusianya menjadi dewasa sebelum cukup usia, berpengalaman sebelum sempat berjalan. Mereka jadi kebal pada kesengsaraan. Tetapi kesengsaraan itulah yang mengenalkan mereka kepada erti kemanusiaan dan nilai kehidupan, di samping menyangkutkan keinginan untuk menjadi manusia yang lebih baik. Di celah-celah penderitaan dan kesengsaraan yang sedemikian itu, mereka membina impian dan harapan.

*Sungai Mengalir Lesu* adalah antara novel yang merakamkan satu fasa terpenting dalam sejarah kehidupan bangsa kita. Sebagai karya sastera, *Sungai Mengalir Lesu* adalah novel peristiwa yang menjadi dokumentasi sejarah sosial yang amat berharga. Selepas *Salina*, *Sungai Mengalir Lesu* dianggap novel terpenting Sasterawan Negara A. Samad Said.

*Sungai  
Mengalir Lesu*

# *Samad Said*

**YBrs. En. Edy Irwan bin Zulkafli**  
**Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia**

Dengan penuh rasa hormat dan sukacita, saya merakamkan penghargaan atas penganjuran Pementasan Teater Koleksi Sasterawan Negara: *Sungai Mengalir Lesu* karya YBhg Dato' Seri Dr. A. Samad Said. Pementasan ini bukan sahaja mengangkat khazanah kesusasteraan tanah air ke pentas teater, tetapi juga memberikan ruang kepada masyarakat untuk mendekati serta menghayati karya agung seorang tokoh Sasterawan Negara.

Perpustakaan Negara Malaysia amat berbangga kerana dapat menampilkan sebahagian daripada Koleksi Sasterawan Negara yang kami simpan dan pelihara. Koleksi ini terdiri daripada manuskrip, naskhah dan dokumen berharga yang mencerminkan proses kreatif serta nilai estetika dalam penghasilan karya sastera. Melalui usaha sebegini, kita bukan sahaja menghargai jasa besar para Sasterawan Negara, tetapi juga memanfaatkan khazanah ini sebagai sumber penyelidikan, pembelajaran dan pemeliharaan warisan budaya bangsa.

Pementasan teater ini juga merupakan wadah untuk memperkenalkan karya sastera dalam bentuk yang lebih segar, dekat di hati penonton, serta mampu merentasi generasi. Melalui *Sungai Mengalir Lesu*, kita diingatkan akan nilai sejarah, ketabahan serta semangat perpaduan masyarakat berbilang kaum yang sentiasa relevan dan wajar dijadikan teladan dalam kehidupan masa kini.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pementasan ini. Semoga usaha ini dapat menyemai kecintaan masyarakat terhadap sastera, memperkukuh apresiasi seni budaya, dan terus memartabatkan warisan intelektual bangsa.

Sekian, terima kasih.

*Sungai  
Mengalir Lesu*

# *Senintai Bahasa*

**YBrs. Dr. Hazami Jahari**

**Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya Teater Perdana DBP *Sungai Mengalir Lesu* akan dipentaskan pada tahun ini dalam usaha menyambut hasrat kerajaan untuk terus menjadikan teater sebagai satu cabang seni persembahan yang perlu dimartabatkan. Sejak penubuhannya, DBP sentiasa menyokong dan mendukung pemartabatan bahasa Melayu melalui sastera khususnya genre teater ini. Sesungguhnya melalui pementasan teater berskala besar ini yang mengangkat sebuah naskhah penting karya Sasterawan Negara A. Samad Said, akan dapat meningkatkan lagi citra DBP kepada khalayak dan secara tidak langsung mendekatkan lagi masyarakat dengan karya sastera melalui medium pentas persembahan.

Teater bukan sahaja mengajar seseorang berartikulasi dengan baik, menjiwai watak dan perwatakan, malah mendidik mereka yang terlibat secara langsung untuk berfikir secara kreatif, kritis, membentuk kepimpinan dan cara berkomunikasi dengan baik. Hasil daripada keterlibatan inilah yang mampu melonjakkan kepelbagaian kemahiran dan kebolehan khususnya kepada karyawan DBP.

Terima kasih kepada semua tenaga produksi dan pelakon di bawah Persatuan Badan Budaya DBP yang menghidupkan teater ini. Terima kasih juga kepada semua organisasi, agensi, persatuan, pihak media dan orang perseorangan yang terus memberikan sokongan dan kepercayaan kepada produk terbitan DBP. Semoga apa yang dipersembahkan menerusi teater ini dapat dimanfaatkan oleh semua yang hadir.

Salam Bahasa Jiwa Bangsa.

# Sungai Mengalir Lesu

## Sepatah Kata

**Aris Othman**

Pengerusi Badan Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka |  
Pengarah Teater *Sungai Mengalir Lesu*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,  
Salam Bahasa Jiwa Bangsa.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya pementasan teater *Sungai Mengalir Lesu* dapat direalisasikan pada kesempatan yang bermakna ini. Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Perpustakaan Negara Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka atas sokongan, kerjasama dan komitmen padu dalam menjayakan pementasan ini.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1967, Badan Budaya DBP telah menjadi pelopor dalam mempersembahkan karya-karya agung Sasterawan Negara ke pentas teater. Usaha ini merupakan legasi yang ingin kami teruskan dan menjadikan pentas sebagai ruang untuk menghidupkan kembali karya-karya besar sastera tanah air agar sentiasa segar di hati masyarakat. *Sungai Mengalir Lesu* karya Sasterawan Negara A. Samad Said adalah antara naskah berharga yang menyentuh soal kemanusiaan, keadilan dan realiti hidup masyarakat berbilang bangsa.

Pementasan ini bukan sekadar persembahan seni, tetapi sebuah wahana pendidikan dan kesedaran. Harapan saya agar usaha ini dapat memaut hati golongan muda untuk mendekati karya-karya Sasterawan Negara, sekali gus menyemarakkan semangat mencintai bahasa, budaya dan seni tanah air. Dengan itu, kita dapat bersama-sama meneruskan legasi dan menjamin kelestarian sastera negara sebagai khazanah bangsa yang tidak lapuk ditelan zaman.

Selamat Menonton.  
Sekian, terima kasih.

# Sungai Mengalir Lesu

## Profil A Samad Said

Sasterawan Negara (SN) Datuk A. Samad Said atau nama sebenarnya Abdul Samad Muhammad Said merupakan seorang sasterawan tanah air yang banyak terlibat dalam bidang penulisan kreatif. Kerajinannya menghasilkan karya dan ketekunannya membaca karya-karya orang lain menjadi titik penentu A. Samad Said ditabalkan sebagai Sasterawan Negara yang versatil. Beliau berpendapat bahawa untuk melahirkan karya, karyawan tidak hanya bergantung pada bahan dan bakat serta kekuatan fikiran sahaja, tetapi yang penting ialah pembacaan dan pengalaman yang luas.

SN Datuk A. Samad Said dilahirkan pada 8 Februari 1932 di Kampung Belimbing Dalam, Durian Tunggal, Melaka. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Kota Raja, Singapura dari tahun 1940-1946. Beliau kemudian telah melanjutkan pelajarannya di Victoria Institution sehingga memperolehi sijil Senior Cambridge pada tahun 1956.

Pengalaman kerjaya SN A. Samad Said bermula sebagai kerani. Kemudian beliau menjadi wartawan di akhbar *Fikiran Rakyat*, *Utusan Melayu* dan *Berita Harian*. Jawatan terakhir beliau ialah sebagai ketua pengembangan sastera dalam kumpulan akhbar *The New Straits Times*. Kini beliau menjadi penulis sepenuh masa yang aktif berkarya. Sepanjang karier penulisan, beliau telah mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan Malaysia. Antara anugerah yang diterima ialah Anugerah Pejuang Satera (1976), SEA Write Award (1979), Anugerah Sastera Negara (1985) dan Anugerah Sasterawan Nusantara (1999). Anugerah lain yang diterima ialah Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan Kesusasteraan UPSI pada tahun 2003, Anugerah Merdeka 2024 dan Anugerah Sastera Mastera (Malaysia) ke-7 (2024).

Selain pengiktirafan dalam bidang sastera, A. Samad Said juga telah dianugerahkan darjah kebesaran Negeri Melaka yang membawa gelaran Datuk pada tahun 1997 oleh Yang DiPertua Negeri Melaka. Dalam usia awal 90an, Datuk A. Samad Said masih cergas memenuhi undangan majlis sastera di sekitar ibu kota.

Datuk A. Samad Said memiliki keistimewaan yang jarang dimiliki oleh semua penulis. Beliau menguasai semua genre sastera. Sehingga kini A. Samad Said tidak jemu menghasilkan puluhan karya dalam genre novel, puisi, drama, cerpen, dan esei. Antara karya besar yang dihasilkan ialah *Salina*, *Sungai Mengalir Lesu*, *Di Hadapan Pulau*, *Langit Petang*, *Hujan Pagi*, *Lantai T. Pinkie*, *Benih Semalu*, *Benih Harapan*, *Warkah Eropah*, *Al-Amin*, *Rindu Ibu* dan lain-lain lagi. Karya beliau *Salina* telah diterjemahkan ke dalam lain-lain bahasa seperti bahasa Inggeris dan bahasa Perancis. Beberapa karya beliau juga telah diadaptasi menjadi teater atau drama pentas seperti *Salina*, *Sungai Mengalir Lesu*, *Lantai T. Pinkie* dan *Memori di Hadapan Pulau*. Keunikan, keistimewaan dan keikhlasan SN Datuk A. Samad Said berkarya sewajarnya menjadi model dan sumber inspirasi berkarya bagi generasi penulis muda masa kini.

# Sungai Mengalir Lesu



## Profil Pengarah

ARIS OTHMAN

Aris Othman telah berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selama lebih daripada tiga dekad, iaitu 32 tahun, dan kini bertugas sebagai Perancang Bahasa di Bahagian Pengembangan Kesusasteraan Kanak-kanak dan Remaja. Beliau juga merupakan Pengerusi Badan Budaya DBP, sebuah badan yang telah sekian lama memainkan peranan penting dalam memperkayakan seni pentas dan memperkukuh kedudukan bahasa serta sastera melalui medium teater.

Sejak awal penglibatannya dalam bidang seni, Aris Othman telah terbabit dalam pelbagai pementasan Badan Budaya DBP yang membawa tema kemasyarakatan, sejarah dan nilai kemanusiaan. Antara karya yang pernah dilibatkan termasuk *Imam, Yang Menjelma Yang Menghilang, Belum Selesai, Sandera, Hikayat Qazid, Intan Tercanai* dan beberapa lagi pementasan yang telah meninggalkan impak tersendiri dalam dunia teater tanah air.

Sebagai pengarah, beliau telah mengemudi beberapa pementasan besar yang mencabar keupayaan artistik dan pemikiran penonton. Antara arahan penting beliau termasuk *Natrah* dan *Haji Murad* yang diarahkan bersama tokoh teater A. Wahab Hamzah. Terkini, beliau mengarahkan pementasan *Sungai Mengalir Lesu*, adaptasi karya agung Sasterawan Negara A. Samad Said, yang menampilkan semangat perjuangan dan ketabahan masyarakat sewaktu era penjajahan.


Dengan pengalaman yang luas, komitmen yang tinggi serta keupayaan menghubungkan dunia sastera dan seni pentas, Aris Othman terus menjadi antara tenaga penting dalam meneruskan legasi Badan Budaya DBP, di samping memastikan seni teater kekal relevan dan memberi manfaat kepada generasi baharu.

# Sungai Mengalir Lesu


## BARISAN PELAKON



**NESA IDRUS**  
TUMINAH



**AKMAL AHMAD**  
BASIR



**ROYDY ROKIDY**  
AHMAD JANI



**SHASHA FAIRUS**  
MAK BURUK



**KHAI SABRI**  
KATAYAMA



**KHAL ISYAF**  
MULYADI



**ALOENG SILALAH**  
IRWAN



**MEGAT 'ADLI**  
JUKICHI

# Sungai Mengalir Lesu

## BARISAN PELAKON

**THARKESH**  
SOOSAY

**RASDI DAUD**  
JUMAAT

**BADROL HISHAM**  
SAAYED AYOB

**YI ERN**  
LIM PO

**FAIRUL PUJANGGA**  
TOMPANG

**SYAFIQ DHARMA**  
PEGAWAI INGGERIS

**ALFRED LOH**  
GIAP HONG

**AIDA OMAR**  
SALIMAH

**ANNA NATASHA**  
ECON

**ARISSA AZLAN**  
ZAINAB

**MUHAIMIN**  
KULDIP SINGH

# Sungai Mengalir Lesu


## BARISAN PELAKON



**IDZHAM**  
KAREEM



**ALONG**  
FIRDAUZ  
CHOO KENG



**AJMAL**  
ARSYAD  
MUNUSAMY



**FADZLAN**  
RADZAK  
ARIF



**UMAR**  
RAYYAN  
MEON



**ZAHARA**  
SOFEA  
SIMAH



**DARYS**  
SUKON



**AISY**  
DANIAL  
DALIM



**HUSNI**  
ENSEMBLE



**CHERRY**  
ENSEMBLE



**OIMIE**  
ENSEMBLE



**FARIZ**  
ENSEMBLE

# Sungai Mengalir Lesu

## PRODUKSI TEATER



YBhg. SN Dato' Dr. Anwar Ridhwan  
**PENAUNG**



A. Wahab Hamzah  
**PENASIHAT /  
PENGARAH SINOGRAFI**



Allahyarham Zakaria Ariffin  
**Penulis Skrip**



Aris Othman  
**Pengarah**



Zaidi Omar  
**Penolong Pengarah**

# Sungai Mengalir Lesu

## PRODUKSI TEATER



**J. Izzat Yaackob**  
Pengurus Pentas



**Rafiq Rahman**  
Pengurus Produksi



**Eirlys Motijol**  
Penolong Pengurus Pentas



**Afiq Ali**  
Pereka Set Pentas/  
Prop



**Hafiz Askiak**  
Pengarah Muzik



**Aina Borhan**  
Pembantu Pengurus  
Produksi



**Jamil Anuar**  
Penata Pencahayaan



**Sharrul Rizal**  
Penerbitan



**Azim Halim**  
Penata Bunyi

# Sungai Mengalir Lesu

## PRODUKSI TEATER



**Jemintan Basiran**  
Pereka Kostum



**Alia Umairah Ibrahim**  
Penyelaras Kostum



**Adnan Jaafar**  
Tatarias



**Nik Shahirah**  
Pembantu Promosi / Tiket



**Afiqah Harithuddin**  
Pereka Poster / Promosi



**Amira Husna**  
Pembantu Promosi / Tiket



**Azlin Asmuni**  
Jamuan / Pembantu FOH



**Hiezam Hashim**  
FOH



**Habib Khahar**  
Pembantu FOH

# Sungai Mengalir Lesu


## PRODUKSI TEATER



Syam Maula  
Runner / KRU




Hazirah Fuad  
Multimedia/Promosi



Wan Safuan  
Runner / KRU



Sutan Nazri  
KRU



Moseman  
KRU



Angah  
KRU



# Sungai Mengalir Lesu



# Sungai Mengalir Lesu

## KRONOLOGI PEMENTASAN TEATER OLEH BADAN BUDAYA DBP (1967-2024)

1. **Tamu di Bukit Kenny** (1967); karya Usman Awang, arahan Baharuddin Zainal.
2. **Dramatari Sinar Pagi** (1968); karya Usman Awang.
3. **Serunai Malam** (1968); karya Usman Awang.
4. **Senaroma Serirama** (1970); arahan Ismail Dahaman.
5. **Pegawai Khalwat** (1971); karya Kalam Dewata, arahan Mohammad Merak.
6. **Monyet** (1972); karya Shahnun Ahmad, arahan Othman Haji Zainudin.
7. **Jebat** (1972); karya Usman Awang, arahan Othman Haji Zainudin.
8. **Degup Jantungnya** (1972); karya Usman Awang.
9. **Mendung** (1973); karya dan arahan Othman Haji Zainudin.
10. **Ikan-ikan di Kaca** (1973); karya dan arahan Mishar.
11. **Bukan Bunuh Diri** (1975); karya dan arahan Dinsman.
12. **Nasib di Tanganmu Takdir di Tanganmu** (1975); karya dan arahan Ismail Dahaman.
13. **Intan** (1976); karya Abdullah Hussain, arahan Dinsman.
14. **Di Pulau Sadandi** (1975); karya dan arahan Dinsman.
15. **Setinggi Zaman** (1977); karya dan arahan Ismail Dahaman.
16. **Mayat** (1979); karya Hatta Azad Khan, arahan Johan Jaaffar.
17. **Syajar** (1980); karya Ismail Kassan, arahan Zakaria Ariffin.
18. **Taridra Jong Batu** (1981); karya dan arahan Othman Haji Zainudin.
19. **Titah Tuanku** (1981); karya dan arahan Othman Haji Zainudin.
20. **Pelayaran Inderaputera II** (1982); karya Ismail Kassan, arahan Zakaria Ariffin.
21. **Hari-hari Terakhir Seorang Seniman** (1984/85); karya Johan Jaaffar (adaptasi daripada novel karya Anwar Ridhwan), arahan Johan Jaaffar.
22. **Mahkamah Keadilan** (1986); karya Taufik Al-Hakim, arahan A. Ghani Abdullah.
23. **Zaman Gerhana** (1986); karya Othman Haji Zainudin (adaptasi daripada novel karya A. Samad Ahmad), arahan Othman Haji Zainudin.
24. **Salina** (1986); karya Johan Jaaffar (adaptasi daripada novel karya A. Samad Said), arahan Johan Jaaffar.
25. **Remang di Lorong Tua** (1987); karya Othman Haji Zainudin, arahan Sabri Yunus.
26. **Melati Sarawak** (1987); karya Othman Haji Zainudin (adaptasi daripada novel karya Muhammad Rakawi Yusof), arahan Othman Haji Zainudin.
27. **Lakon Tari Bhratayudha II** (1987); karya Othman Haji Zainudin, koreografi oleh Mahmud Hj. Ibrahim.
28. **Kelongsong** (1987); karya Kemala, arahan Salmiah Ismail.
29. **Tuk Selampit** (1988); karya Anuar Nor Arai, arahan Zakaria Ariffin.
30. **Rumah Kedai di Jalan Seladang** (1989); karya Johan Jaaffar (adaptasi daripada cerpen karya A. Samad Ismail), arahan Johan Jaaffar.
31. **Pentas Opera** (1989); karya dan arahan Zakaria Ariffin.
32. **Opera Siti Zubaidah** (1990); karya adaptasi/ arahan Othman Haji Zainudin.
33. **Penghuni Paya** (1991); karya Wole Soyinka, terjemahan Shamsudin Jaafar, arahan Anwar Ridhwan.
34. **Mitos** (1992); karya Othman Haji Zainudin, arahan Zakaria Ariffin.
35. **Raja Lawak** (1992); karya dan arahan Zakaria Ariffin.
36. **Matinya Seorang Pahlawan** (1992); karya Usman Awang, arahan Zakaria Ariffin.
37. **Temam** (1993); karya Kobo Abe, terjemahan Zakaria Ariffin, arahan Zakaria Ariffin dan A. Wahab Hamzah.
38. **Perempuan Seorang Leftenan Inggeris** (1995); karya dan arahan Zakaria Ariffin.
39. **Rumah Manusia** (1995); karya Chinen Seishin, terjemahan Zakaria Ariffin, arahan Bohari Ibrahim.
40. **Belum Selesai** (1996); karya dan arahan Zakaria Ariffin.
41. **Sungai Mengalir Lesu** (1997); karya Zakaria Ariffin (adaptasi daripada novel karya Datuk A. Samad Said), arahan A. Wahab Hamzah.
42. **Imam** (1998/1999); karya Zakaria Ariffin (adaptasi daripada novel karya SN, Datuk Abdullah Hussain), arahan Zakaria Ariffin.
43. **Pesona Sastera Al-Amin** (2000); adaptasi daripada puisi panjang A. Samad Said, arahan A. Wahab Hamzah.
44. **Yang Menjelma dan Menghilang** (2001); karya dan arahan Dr. Anwar Ridhwan.
45. **Telegram** (2001), karya Amirudin Ali dan arahan A. Wahab Hamzah.
46. **Demi Zaiton....** (2004), karya dan arahan Sasterawan Negara Dato' Noordin Hassan.
47. **Patah Sayap Terbang Jua** (2005), karya Othman Haji Zainudin adaptasi daripada novel karya A. Samad Ismail.
48. **Hikayat Qaziq** (2007), karya Siti Jasmina Ibrahim, arahan A. Wahab Hamzah.
49. **Intan yang Tercanai** (2009), karya Sasterawan Negara Noordin Hassan, arahan A. Wahab Hamzah.
50. **Sandera** (2014), karya Sasterawan Negara Arenawati. Arahan A. Wahab Hamzah.
51. **Istana Berdarah** (2019) berdasarkan Macbeth karya A. Wahab Hamzah. Arahan Rasdi Daud.
52. **Rusuh** (2021) karya A. Wahab Hamzah arahan Aris Othman
53. **Master Kobid** (2022) karya Johan Jaafar, arahan Aris Othman
54. **Balada Si Angsa Hitam** (2022) skrip oleh A. Wahab Hamzah berdasarkan cerpen SN Noordin Hassan, arahan A. Wahab Hamzah
55. **Haji Murat** (2024), karya Leo Tolstoy. Adaptasi SN Anwar Ridhwan. Arahan A. Wahab Hamzah dan Aris Othman.

*Sungai  
Mengalir Lesu*

## **MELODI LUKA**

Di balik senyuman, tersimpan rahsia  
Hati bergetar menanggung duka  
Langkah yang jauh mencari reda  
Tersusun nada, melodi luka

Air mata jatuh tanpa suara  
Mengalun pilu, melodi luka

Melodi luka, nyanyian jiwa  
Mengajar kita erti setia  
Di celah derita, tumbuh cahaya  
Menyuluh jalan kembali percaya

Walau terhimpit gelap menjerut  
Harapan kecil masih terpaut  
Dari retak lahir cahaya  
Mengubah luka jadi asmara

(ulang)

Melodi luka, nyanyian jiwa  
Mengajar kita erti setia  
Di celah derita, tumbuh cahaya  
Menyuluh jalan kembali percaya

Biarlah luka jadi bicara  
Mengalun indah...  
melodi kita.

**TEATER PERDANA**

# *Sungai Mengalir Lesu*

## **PENGHARGAAN**

**Kementerian Perpaduan Negara  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Polis Diraja Malaysia  
Rakan-rakan Media  
Individu atau kumpulan yang terlibat  
secara langsung atau tidak langsung  
dalam menjayakan  
Pementasan Teater Perdana  
Sungai Mengalir Lesu**

**TEATER PERDANA**